

# ASEAN bantu Timor-Leste jadi anggota penuh

**Kuala Lumpur:** ASEAN secara konsensusnya akan melaksanakan segala aspek yang diperlukan untuk memastikan Timor-Leste dapat menjadi anggota baharu blok itu menjelang Oktober ini.

Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim, berkata Timor-Leste dilihat berusaha keras untuk memenuhi parameter dalam Instrumen Undang-Undang ASEAN untuk dipenuhi khususnya dalam aspek politik dan ekonomi.

Beliau berkata, ASEAN secara

jelasanya bersetuju terhadap penerimaan Timor-Leste sebagai anggota penuhnya, namun ada satu atau dua perkara perlu dipenuhi negara itu.

“Mereka berusaha keras, Malaysia, Indonesia dan beberapa negara membantu dalam pelbagai cara untuk memastikan mereka memenuhi syarat ditetapkan.

“Kita secara jelasnya bersetuju terhadap penerimaan Timor-Leste sebagai anggota penuh ASEAN dalam sesi seterusnya pada Oktober.

“Kita secara jelasnya bersetuju terhadap penerimaan Timor-Leste sebagai anggota penuh ASEAN dalam sesi seterusnya pada Oktober,” katanya pada sidang media penutupan Sidang Kemuncak ASEAN 2025, semalam.

Pada masa sama, Perdana Menteri berkata, ASEAN juga berpuas hati dengan perkembangan itu, tinggal lagi adanya beberapa perkara perlu dipenuhi Timor-Leste.

Februari lalu, Menteri Luar,

Datuk Seri Mohamad dilaporkan berkata, Timor-Leste berkeungkinan besar menyertai ASEAN sebagai anggota tetap pada Sidang Kemuncak ke-47 ASEAN di sini Oktober ini.

Timor-Leste memohon menyertai ASEAN sejak 2011 sebelum blok itu secara prinsipnya menerima negara terbabit sebagai anggota ke-11 melalui Sidang Kemuncak ASEAN Ke-40 dan Ke-41 di Phnom Penh pada November 2022.

Pada mesyuarat peringkat Menteri Luar ASEAN, Ahad lalu,

Mohamad dilaporkan berkata, Malaysia mengusulkan supaya Timor-Leste dimasukkan ke dalam ASEAN sebagai anggota terbaharu terlebih dahulu tahun ini, walaupun jika negara itu belum berjaya mencapai 66 Instrumen Undang-Undang blok itu.

Mohamad dilaporkan berkata, Malaysia melihat wujudnya kepentingan supaya Timor-Leste menjadi ahli keluarga ASEAN dan diberikan masa beberapa tahun untuk negara itu memenuhi semua instrumen undang-undang yang perlu dipatuhi.